

22 FEB 1999

Goh-Malaysia

S'PURA TUNGGU MALAYSIA TETAPKAN TARIKH RUNDINGAN CIQ

SINGAPURA, 22 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Goh Chok Tong berkata Singapura kini menunggu keputusan Malaysia untuk menetapkan tarikh yang sesuai bagi memulakan rundingan pakej dua hala yang menyentuh pelbagai isu antara kedua-dua negara.

Laporan Berita Harian hari ini menyebut Goh sebagai berkata, langkah untuk mengadakan rundingan pakej itu telah dipersetujui oleh pemimpin kedua-dua negara pada Disember lepas.

Pada sidang kemuncak ASEAN di Hanoi Disember lepas, Goh dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju untuk merundingkan dan menyelesaikan segala isu dua hala sebagai satu pakej.

"Kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk bertemu. Kami kini menunggu tarikh dari pihak yang satu lagi (Malaysia). Ia adalah satu langkah yang positif," kata Goh kepada wartawan pada majlis sambutan Tahun Baru Cina di Istana, semalam.

Menurut laporan itu, Goh juga menyifatkan perkembangan terkini mengenai hubungan dua hala antara Singapura dan Malaysia sebagai positif.

Ketika ditanya mengenai butiran lanjut jawapan Malaysia kepada Singapura berhubung isu Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Tanjong Pagar, beliau berkata butiran itu telahpun diumumkan oleh Kementerian Ehwat Luar Singapura pada hari Sabtu.

Dalam kenyataannya, Kementerian Ehwat Luar berkata Singapura bersedia berunding dengan Malaysia mengenai pakej penyelesaian segala isu dua hala berikutan penjelasan Kuala Lumpur mengenai pertikaian berhubung kemudahan CIQ.

Kementerian itu menyatakan pihaknya berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh Malaysia mengenai pertikaian berhubung keengganan Kuala Lumpur untuk memindahkan kemudahan CIQ Malaysia di Tanjong Pagar ke Woodlands.

Perbalahan diplomatik tercetus pada Julai lepas apabila Singapura memberitahu Malaysia bahawa Kuala Lumpur tidak mempunyai kuasa yang sah terhadap operasi CIQ di Stesen Keretapi Tanjong Pagar selepas Singapura memindahkan kemudahannya ke Woodlands.

Baru-baru ini, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar telah mengirimi surat kepada rakan sejawatannya Prof S.Jayakumar. Surat itu melampirkan kertas kerja untuk menjelaskan beberapa isu tertentu berhubung CIQ Malaysia di Singapura.

-- BERNAMA

MKO NMO